

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYERAHAN TUGAS NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**PADA HARI ISNIN, 9 JUN 2008, PUKUL 11.00 PAGI DI DEWAN PERDANA,**  
**HOTEL M.S. GARDEN, KUANTAN**

---

**SALUTASI**

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Hormat Dato' Mohd. Hilmey bin Mohd. Taib,  
Pengerusi Lembaga Pengarah UMP;

Yang Hormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman,  
Ahli Lembaga Pengarah UMP;

Yang Hormat Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Berbahagia Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim,  
Pendaftar;

Yang Berbahagia Encik Zainuddin bin Othman,  
Bendahari;

Yang Berbahagia Tuan Haji Ruslan bin Che Pee,  
Ketua Pustakawan;

Yang Berbahagia Profesor-profesor,  
Dekan-dekan,  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Yang Berusaha Saudara Salman bin Razeni,  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

## KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, kita telah berkesempatan untuk bertemu dalam acara Penyerahan Tugas Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang pada pagi yang mulia ini.
  2. Saya mengalu-alukan kedatangan Yang Hormat Dato' Mohd. Hilmey bin Mohd. Taib, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP kerana telah sudi menyaksikan Majlis Penyerahan Tugas Naib Canselor UMP pada hari ini.

## **APRESIASI KEPADA DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA**

3. Yang Hormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,  
Sempena majlis pagi ini, izinkan saya merakamkan sepatialah dua ucapan penghargaan kepada Yang Hormat Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela, mantan Naib Canselor UMP.
4. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau selama lebih 3 tahun sebagai Naib Canselor iaitu mulai 14 Januari 2005 hingga 15 April 2008, Yang Hormat Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela memikul amanah dan tanggungjawab yang amat besar bagi meletakkan Universiti Malaysia Pahang di atas landasan yang kukuh dalam fasa pengasasannya.
5. Proses transisi Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia atau KUKTEM kepada Universiti Malaysia Pahang pada 1 Februari 2007 yang lalu merupakan satu lagi cabaran besar yang memerlukan perancangan dan inisiatif strategik bagi memacu dan menjenamakan UMP sebagai Universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia.

6. Justeru, perencanaan Pelan Strategik UMP 2008-2010 yang telah dibuat semasa pentadbiran Yang Hormat Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela adalah suatu usaha yang mempunyai makna yang amat besar. Inisiatif ini amat signifikan, terutamanya dalam konteks menjajarkan UMP secara strategik dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Oktober 2007 yang lalu.
  
7. Asas dan landasan yang telah diletakkan dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010 menyediakan panduan dan kerangka untuk saya meneruskan usaha membangunkan Universiti ini dalam fasa pengukuhannya dan seterusnya menjana kecemerlangan, Insya-Allah. Oleh yang demikian, bagi pihak seluruh warga UMP, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Hormat Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela di atas jasa dan bakti yang telah disumbangkan sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang.

## **APRESIASI KEPADA PROF. DR. SABARUDIN BIN MOHD.**

8. Yang Hormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Pada kesempatan ini juga, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd. yang telah melaksanakan tugas-tugas sebagai Pemangku Naib Canselor mulai 16 April 2008 hingga 15 Mei 2008 yang lalu. Pengalaman luas Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin dalam pengurusan Universiti telah banyak melicinkan urusan pentadbiran dan operasi Universiti ini sehingga pelantikan rasmi saya sebagai Naib Canselor pada 16 Mei 2008 yang lalu.

9. Komitmen yang telah diperlihatkan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin dalam mentadbir UMP sewaktu peralihan kepimpinan daripada Dato' Dr. Mohamed Said sehingga pada hari saya melapor diri sewajarnya menerima pujian dan penghargaan. Sekali lagi, terima kasih saya ucapkan.

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA LEMBAGA PENGARAH**  
**UNIVERSITI**

10. Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Hormat Dato' Mohd. Hilmey bin Mohd. Taib, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP di atas sokongan berterusan yang telah diberikan oleh beliau dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMP terhadap usaha-usaha untuk memajukan Universiti ini. Keprihatinan dan sokongan berterusan Lembaga Pengarah UMP terhadap kepimpinan Universiti ini amatlah penting bagi memastikan UMP terus bergerak di atas jajaran yang betul sebagaimana yang dihasratkan.

11. Warga pengurusan UMP di bawah kepimpinan saya dengan ini menyatakan komitmen untuk terus memberikan kerjasama erat kepada Lembaga Pengarah UMP. Wawasan dan cita-cita kita amat besar, dan marilah kita sama-sama realisasikan aspirasi tersebut sebagai suatu realiti.

## **KATA PENUTUP**

10. Yang Hormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Akhir kata, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan acara pagi ini. Untuk menjayakan agenda kita membawa UMP ke arah kecemerlangan, saya mengharapkan kerjasama, sokongan dan doa semua pihak. Kepada Allah Taala kita berserah dan untuk UMP, khidmat bakti kita curahkan.

*"Mudik kolek ke Tanjung Keramat,  
Beli sembilang di Lubuk Terua;  
Semarak semangat, tekad dan khidmat,  
UMP gemilang, kemegahan semua."*

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah,  
assamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
Terima kasih.